

(30) dlm. MPAJ.L.100-2/2/3
12 Okt. 2020

SENARAI PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN.

Tuan/Puan,

NOTIS LARANGAN MELETAKKAN KERUSI MEJA DAN BARANG-BARANG PERNIAGAAN DI KAKI LIMA PREMIS PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PKP

Saya dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan, bahawa aktiviti bagi **RESTORAN/ KEDAI SERBANEKA/ PASAR MINI/ KEDAI RUNCIT/ KEDAI 'HARDWARE'/ KEDAI BUNGA/ KEDAI BARANGAN ELEKTRIK DAN KEDAI PERALATAN SEMBAHYANG** dikehendaki untuk mematuhi arahan serta prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan dikehendaki untuk mematuhi arahan-arahan seperti berikut :

- a) **Larangan penggunaan kaki lima premis** - Tidak meletakkan atau menyebab diletakkan apa-apa barang atau benda yang berkaitan dengan perniagaan di mana-mana tempat awam.
- b) **Mematuhi 'Standard Operating Procedure' (SOP)** sediada iaitu kebersihan premis, pengurusan pelanggan, saringan kesihatan, penggunaan 'hand sanitizer', pemakaian pelitup muka (face mask), penjarakan fizikal dan penggunaan aplikasi Selangkah tanpa gagal.

4. Kegagalan pihak tuan/ puan mematuhi arahan di atas akan menyebabkan notis pembatalan lesen akan dikeluarkan dan tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tanpa sebarang notis lanjut. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Jabatan Pelesenan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya ditalian 03 42857173/ 7344.

Sekian, terima kasih.

“ SELANGOR MAJU BERSAMA “
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,

(MARLINA BT MOHAMAD PPC)

Pengarah
Jabatan Pelesenan
b/p Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
☎: 03-4285 7344
①: 1 800 22 8100
✉: marlina@mpaj.gov.my
PPT Julia